

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	15 MAY 2017

9 perjanjian, MoU RM31.26b dimeterai

BH-15/5/2017

➔ Sektor swasta Malaysia-China jalin kerjasama dalam bidang binaan, saham, pertanian, pelabuhan dan penerbangan

Saidon Idris
saidon@bh.com.my

► Beijing



Sembilan perjanjian dan memorandum persefahaman (MoU) di antara sektor swasta Malaysia dan China membatik cadangan pelaburan AS\$7.22 bilion (RM31.26 bilion) dimeterai, di sini, semalam.

Majlis memeterai perjanjian dan MoU berkenaan yang disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak meliputi pelbagai sektor termasuk pembinaan, pertanian, bursa saham, kerjasama pelabuhan dan penerbangan.

Perjanjian pertama ialah kerjasama strategik untuk membangunkan bandar raya masa depan robotik di Johor membatik pelaburan AS\$3.458 billion (RM15 bilion).

Kedua, MoU AS\$2 bilion (RM8.75 bilion) bagi pembinaan kompleks metanol dan derivatif di Tanjung Kidurong, Bintulu, Sarawak, manakala ketiga ialah Perjanjian Kerjasama Rangka Kerja Pelaburan ba-

gi memajukan projek Melaka Gateway bernilai RM6.92 bilion.

Keempat, MoU bagi memaju dan menggalakkan Kluster Inovasi Malaysia dalam China-Malaysia Qinzhou Industrial Park (CMQIP).

MoU kelima, Perjanjian Ejen Ekslusif AS\$1.53 bilion (RM6.6 bilion) di antara Agrofresh International Sdn Bhd dan Dashang Co Ltd bagi pembekalan pisang 'cavendish' dan buah-buahan tropika.

Keenam, Perjanjian Rangka Kerja bagi memajukan projek pembangunan bercampur The Shore di Kota Kinabalu, Sabah membatik AS\$132.58 juta (RM574 juta).

Ketujuh, MoU di antara Bursa Malaysia Bhd dan Shanghai Stock Exchange bagi meninjau kaedah meningkatkan akses pasaran dan produk di kedua-dua bursa saham serta promosi pasaran.

MoU kelapan dimeterai di antara Northport (Malaysia) Bhd dengan Weifang Sime Darby Port Co Lt bagi

mewujudkan hubungan antara pelabuhan.

Projek Melaka Gateway

Kesembilan ialah MoU di antara AirAsia Bhd dan China Everbright Group serta Henan Government Working Group bagi penubuhan syarikat penerbangan tambang murah di China. Sebahagian besar projek itu akan dilaksanakan di Malaysia.

Bagi projek Melaka Gateway, KAJ Development bersama Power China, Shenzhen Yantian Port Group dan Rizhao Port Group akan bekerjasama memajukannya sebagai pembangunan bercampur merangkumi empat pulau pelancongan.

Projek dengan nilai pembangunan kasar RM30 billion itu turut mengandungi bandar raya pintar dan hab komersial, pelabuhan laut dalam serta taman industri maritim bagi pembinaan dan baik

pulih kapal.

Bagi Bandaraya Masa Depan Robotik di Johor Bahru, Johor Corporation dan Siasun Robot Investment Co Ltd akan memajukan tanah seluas 405 hektar dengan pelaburan RM15 bilion.

Projek itu bermatlamat untuk memajukan industri robotik dan pada masa sama menggalakkan pertumbuhan pelbagai perniagaan rantaian pembekalan di Malaysia.

Bagi projek pembangunan kompleks metanol dan derivatif di Sarawak, ia membatik kerjasama Yayasan Hartanah Bumiputera Sarawak dan Konsortium Huanhqi Contracting & Engineering Co serta MACFEAM Sdn Bhd.

Projek RM2 bilion itu akan dilaksanakan dalam dua fasa dan dijadual siap pada 2021.

➔ MoU tubuh AirAsia China Ms. 25